



Ruj Kami : UNIMEL/ KONVO/2024-26 (2)
Tarikh : 11 November 2024 / 09 Jamadilawal 1446H

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Kepada:
Graduan 2024 ,
Universiti Islam Melaka

Tuan/Puan/Saudara/Saudari

JEMPUTAN KE ISTIADAT KONVOKESYEN UNIVERSITI ISLAM MELAKA (UNIMEL) KE-26

Dengan segala hormatnya merujuk perkara di atas.


2. Sukacita dimaklumkan bahawa Istiadat Konvokesyen Universiti Islam Melaka ke-26 akan diadakan pada **08 Disember 2024 (Ahad)** di **Dewan Canselor, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UteM)**.
3. Pengurusan Tertinggi dan seluruh warga Universiti Islam Melaka mengucapkan tahniah kepada tuan/puan/saudara/saudari kerana telah berjaya menamatkan pengajian dan memenuhi syarat serta keperluan pengijazahan mengikut program-program yang berkenaan di Universiti Islam Melaka.
4. Tuan/puan/saudara/saudari dijemput hadir untuk menerima penganugerahan ijazah/diploma masing-masing dalam Istiadat Konvokesyen tersebut mengikut tarikh, masa dan sidang sebagaimana yang telah ditetapkan di portal rasmi graduan.
5. Tuan/puan/saudara/saudari perlu memuat turun dan memahami maklumat keterangan graduan untuk tindakan selanjutnya dan mengesahkan kehadiran ke Istiadat Konvokesyen melalui portal rasmi graduan.
6. Kad Undangan Istiadat Konvokesyen boleh didapati di kaunter fakulti masing-masing. Kad undangan ini **WAJIB** dibawa oleh ibu bapa tuan/puan sebagai pas masuk ke dalam dewan Istiadat Konvokesyen.

7. Sebarang perubahan maklumat mengenai Istiadat Konvokesyen akan dimaklumkan dari semasa ke semasa melalui portal rasmi graduan.

Sekian, terima kasih.

**"MELAKAKU MAJU JAYA, RAKYAT BAHAGIA, MENGGAMIT DUNIA"
"BIJAK LAKSANA TUAH, BERANI LAKSANA JEBAT"
"BERILMU, BERINTEGRITI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,



(PROF. DATUK DR. HJ. MOHD TAIB BIN HJ. DORA)
Naib Canselor,
Universiti Islam Melaka